

'Perlu wujud j/kuasa khas tingkat peluang kerja rakyat'

KUALA LUMPUR: Penubuhan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional yang diperkenalkan menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) perlu memfokus kepada isu untuk meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr Anuar Shah Bali Mahomed berkata kerajaan perlu melaksanakan pengurangan pekerja asing secara berperingkat dan kekosongan itu perlu diisi oleh rakyat negara ini.

"Ketika ini, terlalu ramai bilangan pekerja asing di negara kita sekali gus menyebabkan rakyat kita sendiri sukar untuk mengisi peluang pekerjaan... dan apabila pekerja asing ini dihantar pulang, kita juga perlu memastikan agar mereka tidak akan kembali semula.

"Kita lihat fokus dan penumpuan kerajaan adalah kepada isu berkaitan peluang pekerjaan. Ini kerana jika rakyat mempunyai pekerjaan, mereka juga dapat menjana pendapatan seterusnya merancakkan kembali ekonomi negara," katanya dalam program Ruang Bicara 'Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana)' terbitan *Bernamea TV*, Jumaat.

Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional itu akan dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia dengan wakil daripada sektor swasta serta sektor awam yang berkaitan,

Ia ditubuhkan bagi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan beberapa inisiatif dalam menangani cabaran kadar pengangguran yang meningkat serta memastikan pengekalan pekerjaan akibat penguncupan ekonomi Malaysia pada suku kedua tahun ini berikutan usaha membendung penularan wabak Covid-19.

Pada masa sama, beliau berkata generasi muda juga perlu memanfaatkan penggunaan teknologi bagi mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi dalam ekonomi digital.

"Kita perlu ada satu nilai tambah, kemahiran baharu dalam kalangan rakyat sendiri dan di sinilah peranan teknologi. Paling penting, generasi muda

perlu membentuk minat dan kemahiran itu sendiri.

"Lagi pun, dalam konteks teknologi, keadaan ini (peluang pekerjaan) yang ditawarkan lebih menarik kerana tidak melibatkan keupayaan fizikal dan kudrat seperti terlibat dalam 'pekerjaan 3D' iaitu kotor, bahaya dan sukar namun hanya memerlukan kemahiran dalam teknologi," katanya.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula berkata Penjana, yang bersandarkan kepada tiga teras utama iaitu Memperkasakan Rakyat, Melonjakkan Perniagaan dan Merangsang Ekonomi, dilihat dapat membantu merancakkan kembali ekonominegara.

"Secara keseluruhannya, 40 inisiatif yang bernilai RM35 bilion di bawah Penjana memberi impak positif sama ada secara serta-merta, jangka pendek dan jangka panjang kepada negara. Ia satu perkembangan yang baik. - Bernama